



9 April 2014
9 April 2014
P.U. (A) 97

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PENEPIAN FI KEPADA PENGAJAR JABATAN TENAGA MANUSIA) 2014

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (WAIVER OF FEE TO INSTRUCTOR OF MANPOWER DEPARTMENT) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN
(PENEPHAN FI KEPADA PENGAJAR JABATAN TENAGA MANUSIA) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(d) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Penepian Fi kepada Pengajar Jabatan Tenaga Manusia) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2014.

Penepian fi

2. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), fi yang ditetapkan dalam butiran 3(a)(ii), 3(b)(ii) atau 3(c)(ii) Jadual kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2006 [*P.U. (A) 409/2006*] diketepikan berkenaan dengan mana-mana pengajar Jabatan Tenaga Manusia yang memohon bagi pengiktirafan pencapaian kemahiran terdahulu yang membawa kepada anugerah Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Penepian fi di bawah subperaturan (1) terpakai bagi permohonan pengiktirafan pencapaian kemahiran terdahulu yang dibuat mulai 15 April 2014 hingga 14 April 2019 yang berhubung dengan pengalaman kerja pengajar itu dalam apa-apa bidang—

(a) yang memenuhi kehendak Standard yang berkaitan; dan

(b) bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.